

KUALA LUMPUR, 17 FEB. (BERNAMA)—PEMANGKU PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENGADAKAN SATU SEKIM BAGI MEMBAWA MASUK PEKERJA-PEKERJA DARI INDONESIA SECARA SAH KE SABAH DAN SARAWAK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TENAGABURUH DI NEGERI-NEGERI TERSEBUT.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DARI SABAH SELEPAS MELAKUKAN LAWATAN SELAMA EMPAT HARI DI MANA BELIAU MENEMUI PRESIDEN SUHARTO, BELIAU BERKATA RAKYAT INDONESIA YANG BERJUMLAH LEBIH 100,000 ORANG DI KEDUA-DUA NEGERI ITU RAJIN BEKERJA DAN MEREKA INI DIPERLUKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA BURUH.

"RAMAI JUGA RAKYAT INDONESIA" DI SABAH DAN SARAWAK, JELASNYA, DATANG SECARA SAH MELALUI KONSUL INDONESIA.

BELIAU DAN PRESIDEN SUHARTO, BAGAIMANAPUN, TIDAK MEMBINCANGKAN PENDATANG HARAM INDONESIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA. —BERSAMBUNG  
1909/HM

3620

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KETUA DITANYA MENGENAI KADAR JENAYAH YANG SEMAKIN MENINGKAT OLEH PENDATANG HARAM INDONESIA, BELIAU BERKATA KEBANYAK-  
KAN YANG DITANGKAP BUKAN RAKYAT INDONESIA DAN WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA ORANG INDONESIA DITANGKAP, NAMUN BERTAMBAHNYA KADAR JENAYAH BUKANLAH DISEBABKAN OLEH RAKYAT INDONESIA SAHAJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYANGKAL LAPORAN AKHBAR TEMPATAN BAHAWA PILIHANRAYA UMUM AKAN DIADAKAN TAHUN DEPAN.

DITANYA BILAKAH PILIHANRAYA NEGERI SABAH DIADAKAN, BELIAU BERKATA SAMBIL KETAWA, DATUK HARRIS SALLEH SENDIRI TIDAK TAHU, JADI BAGAIMANA SAYA TAHU".

MENYENTUH PERJUMPAANNYA DENGAN PRESIDEN SUHARTO MENGENAI KEADAAN DI KAMPUCHEA, BELIAU BERKATA MEREKA SEDIKIT  
SEBANYAK BERSETUJU DENGAN APA YANG MEREKA LAKUKAN.

BAGAIMANAPUN, TIDAK ADA TANDA-TANDA BILAKAH PERSIDANGAN ANTARA-  
BANGSA MENGENAI KAMPUCHEA YANG DIPANGGIL OLEH RESOLUSI BANGSA-  
BANGSA BERSATU DAPAT DILAKUKAN, KATA BELIAU.

—BERNAMA 1913/HM